

IQRA'

BULETIN PERPUSTAKAAN



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Isu No. 6

Disember 2009

ISSN 1985-174X

<http://lib.usim.edu.my>

Menarik di dalam...

- 'elmtiyaz'
Sistem Pengurusan
Dokumen Digital USIM

- **KEMUDAHAN UNTUK
PENGGUNA KURANG UPAYA
DI PERPUSTAKAAN**

- **Zon Internet@Perpustakaan**



ISSN 1985-174X



9 771985 174000

Ke Arah Pensijilan MS ISO 9001:2008

Sidang Redaksi Buletin Iqra'

Penasihat/Ketua Editor :
Ketua Pustakawan

Editor:
Pn. Nor Azzah bt. Momin

Pembantu Editor:
Pn. Hasmida bt. Saleh
En. Mohd. Helmi b. Masor @ Mansor

Pembantu Penerbitan :
Pn. Noor Juliana bt. Husain
Pn. Azreena Surya bt. Ahmad

Wartawan:
Pn. Wan Azura bt. Radzuan
Pn. Nur Zuhaini bt. Yahya

Jurugambar:
En. Hasrizal b. Yahya

Pemasaran/Edaran:
Cik Aishah Tun bt. Abd. Majid
Cik Suharti bt. Tulos @ Abd Jalil



Buletin IQRA' diterbitkan setiap empat bulan sekali mulai Jun 2007. Buletin ini memuatkan rencana, berita, ulasan buku dan bahan lain yang berkaitan dengan Jabatan perpustakaan USIM. Untuk sebarang maklumat lanjut, pertanyaan, komen atau cadangan, kiriman bahan boleh diajukan kepada:

Editor,
Buletin IQRA'
Perpustakaan,
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai,
Negeri Sembilan Darul Khusus.
Tel.: 06-798 6202 / 6203
Faks.: 06-799 3508
E-Mel: su.timbkp@usim.edu.my/
norazzah@usim.edu.my

Diterbitkan oleh:
Jabatan Perpustakaan,
Universiti Sains Islam Malaysia.

Kata Alu-aluan Editor

**Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana kita dapat bertemu lagi dalam keluaran kali ini. Kami mohon kemaafan atas kelewatan Buletin ini menemui para pembaca.

Untuk keluaran kali ini, tumpuan kami adalah kepada promosi perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan kepada para pengguna Perpustakaan.

Apa yang kami di Perpustakaan USIM ini harapkan adalah penggunaan maksimum oleh para pengguna bagi memastikan agar setiap pelaburan yang dikeluarkan harus memberikan pulangan yang memuaskan.

Justeru, kami mengharapkan agar para pengguna menggunakan sebaik-baiknya segala kemudahan yang ada dan sekiranya timbul sebarang kemusykilan dalam proses tersebut, para pengguna dinasihatkan agar merujuk kepada kakitangan yang bertugas di Meja Penasihat Pembaca, Kaunter Sirkulasi atau Kaunter Multimedia.

Selamat membaca.
Terima kasih.
Wassalam.

NOR AZZAH MOMIN
Editor



BERITA BENGKEL KOMPETENSI PUSTAKAWAN 2009

Perpustakaan USIM telah menganjurkan Bengkel Kompetensi Pustakawan 2009 pada 6 hingga 7 April 2009 bertempat di Bilik Seminar, Aras 4, Perpustakaan. Seramai 23 orang peserta telah menghadiri bengkel ini yang terdiri daripada Ketua-ketua Pustakawan dan wakil-wakil Ketua Pustakawan Perpustakaan IPTA seluruh Malaysia.

Bengkel ini diadakan dengan tujuan untuk membincang dan mengugul satu senarai kompetensi khusus yang boleh diguna pakai oleh semua Pustakawan di Malaysia agar dapat melahirkan Pustakawan yang mempunyai


pengetahuan, kemahiran, kreatif dan berinovasi, serta mempunyai sikap dan etika kerja positif dalam melaksanakan tugas.

Dua orang penceramah telah dijemput, iaitu Y. Bhg. Dr. Hajah Zahrah Mokhtar, Pendaftar Universiti Teknologi Mara (UiTM) (Ke Arah Pemantapan dan Pengukuhan Kompetensi Pustakawan Perpustakaan Akademik) dan En. Mohd Pisol Ghadzali, Ketua Pustakawan, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM) (Pengubahsuaian dan Pemantapan Kaedah Penilaian Tahap Kecekapan (PTK).

Program Kesedaran Pengurusan Kualiti

Program Kesedaran Pengurusan Kualiti Jabatan Perpustakaan telah diadakan pada 15 September 2009 bertempat di Bilik Seminar Perpustakaan. Program ini bertujuan memberikan pendedahan kepada semua staf Perpustakaan tentang kepentingan pengurusan kualiti dalam organisasi. Intipati bengkel ini merangkumi Kesedaran dan Pengenalan MS 9001:2008, disampaikan oleh En. Jasmin Jaimon, Manual Kualiti Perpustakaan USIM oleh Pn. Nor Azzah Momin, Kepentingan Manual Prosedur Kerja & Fail Meja (MPKFM) dalam Organisasi oleh Pn. Marhaniza Abdul Halim, Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) oleh Pn. Hasmida Saleh, dan Aktiviti 5S oleh En. Ahmad Yazid Ahmad@Abdul Rahman.

Program ini turut membantu staf memahami secara asas matlamat dan kepentingan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) dalam Organisasi. Gambaran asas secara menyeluruh ini dapat menyuburkan minda dan meningkatkan maklumat staf.



PERKHIDMATAN UNIT MULTIMEDIA (Bahagian 1)

Perkhidmatan Unit Multimedia berperanan untuk menyokong pembelajaran dan pengajaran di USIM melalui medium yang berlainan dan tertumpu kepada penggunaan perkakasan teknologi maklumat. Unit Multimedia menyediakan medium pengaksesan tambahan kepada pengguna dengan menyediakan sebanyak 120 terminal untuk mengakses internet dan bahan multimedia. Perkhidmatan ini disediakan di Aras 3, Perpustakaan USIM untuk kegunaan semua pengguna Perpustakaan. Pengurusan perkhidmatan Kaunter Multimedia yang sebelum ini secara manual telah ditransformasikan kepada Sistem Pengurusan Komputer yang mana sistem layan diri telah diaplikasikan di samping memantapkan pengurusan Unit Multimedia.

Kaunter Unit Multimedia turut menjalankan pendaftaran untuk perkhidmatan Zon Internet dan Zon Multimedia serta perkhidmatan mencetak dan mengimbas. Perkhidmatan Kaunter Multimedia beroperasi setiap hari Isnin hingga Jumaat dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Walau bagaimanapun perkhidmatan atau penggunaan terminal komputer Zon Internet dan Zon Multimedia dilanjutkan dari 5.00 petang hingga 10.00 malam dengan adanya Sistem Pengurusan Komputer konsep layan diri. Manakala pada Sabtu dan Ahad ia beroperasi dari 9.00 pagi hingga 3.00 petang.

Berikut adalah perkhidmatan dan kemudahan Unit Multimedia yang boleh digunakan oleh pengguna perpustakaan :

Zon Internet

Sebanyak 52 terminal dilengkapi dengan komputer di ruangan ini. Penggunaan setiap komputer terhad kepada 1 jam bagi setiap pengguna. Pengguna perlu menggunakan login ID dan Password (sama seperti mengakses Web Opac perpustakaan) masing-masing untuk menggunakan setiap terminal komputer Zon Internet.

Zon Multimedia

Zon ini dilengkapi dengan 10 terminal komputer multimedia. Ia disediakan khusus untuk mengakses koleksi bahan multimedia seperti CD-ROM, VCD, DVD yang boleh didapati dari Kaunter Multimedia. Pengguna juga perlu menggunakan login ID dan Password (sama seperti mengakses Web Opac perpustakaan) masing-masing untuk menggunakan setiap terminal komputer Zon Multimedia.

Perkhidmatan Mencetak

Perkhidmatan mencetak (printing) disediakan untuk kemudahan setiap pengguna Zon Internet dan Zon Multimedia untuk mencetak maklumat pencarian mereka dari pangkalan data atas talian yang telah dimuat turun atau tugasan ilmiah pelajar. Pengguna akan dikenakan caj 10 sen bagi setiap helai cetakan hitam putih dan 30 sen untuk cetakan berwarna. Pengguna boleh mencetak bahan secara terus daripada terminal komputer masing-masing dengan hanya menggunakan sistem "top-up kredit".

Perkhidmatan Mengimbas (Scanning)

Pengguna boleh menggunakan perkhidmatan ini di Kaunter Multimedia untuk mengimbas mana-mana bahan Perpustakaan yang tidak boleh dibawa keluar seperti majalah, jurnal dan koleksi tertentu. Pengguna akan dikenakan caj 10 sen bagi setiap imbasan.

'elmtiyaz'

Sistem Pengurusan Dokumen Digital USIM


<http://ddms.usim.edu.my>

Oleh:
Harianti Husain
Pustakawan Unit Arkib, Perpustakaan USIM

Fungsi

- Merupakan platform kepada pengguna untuk mengakses semua jenis format sama ada teks, video, audio atau data.
- elmtiyaz berfungsi sebagai perpustakaan digital dimana pengguna boleh mengakses bahan rujukan dengan mudah dan cepat pada bila-bila masa.
- Berperanan untuk menyimpan, mengurus dan memelihara koleksi bahan digital dengan tersusun untuk jangka masa panjang.
- Koleksi digital yang disimpan adalah lengkap dengan metadata, abstrak dan teks penuh (full text).
- Pengguna boleh memuat turun (download) dan memuat naik (upload) bahan mengikut kelayakan masing-masing.

Paparan elmtiyaz



Collections

1. Academic Project Papers (Undergraduates)
2. Conference Papers
3. Examination Papers
4. Newspaper Cutting
5. Research Report
6. Thesis (Postgraduates)
7. USIM's Archive
8. USIM's Books

Daftar ke elmtiyaz

Bagaimanapun, untuk mengakses atau menghantar bahan ke elmtiyaz, pengguna perlu mendaftar terlebih dahulu.

Pengguna hanya perlu ke URL:<http://ddms.usim.edu.my/register> dan memasukkan e-mel USIM bagi kakitangan USIM dan email peribadi bagi pelajar dan pengguna umum.

Manakala bagi pengguna yang telah berdaftar dan mempunyai kelayakan, boleh menghantar bahan dalam bentuk digital ke elmtiyaz.


Maklumat lanjut mengenai elmtiyaz

Pengguna yang berminat untuk mengakses atau menghantar bahan ke elmtiyaz serta ingin mendapatkan maklumat tambahan mengenai elmtiyaz, boleh menghubungi pustakawan berikut:

Cik Harianti Husain
harianti@usim.edu.my

En. Mohd Helmi Mansor @ Mansor
mhelmi@usim.edu.my

Ahmad Yazid Ahmad @ Abd Rahman
ahmadyazid@usim.edu.my





KEMUDAHAN UNTUK PENGGUNA KURANG UPAYA DI PERPUSTAKAAN USIM

- Lawatan Kumpulan 55 Perpustakaan USIM ke PTAR1, UiTM Shah Alam (1 Julai 09).



AKTIVITI KAKITANGAN

- Bengkel Penulisan – (25 Mei 09).



- Latihan penggunaan BLIS oleh kakitangan BERNAMA di Makmal 1, Perpustakaan (23 Jun 09).



- Pertandingan Karom Tertutup Jabatan Perpustakaan (20-22 April 09).





• Lawatan Delegasi University of Thailand (7 April 09).



• Lawatan kakitangan Perpustakaan Kolej Islam Pahang (KIPSAS) – (15 Jun 09).



• Lawatan kakitangan Fakulti Pergigian USIM (6 April 09).



• Lawatan kakitangan Universitas Airlangga, Surabaya (23 April 09).



• Lawatan kakitangan Jabatan Agama Islam Pahang (8 April 09)



• Lawatan kakitangan Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI (21 Mei 09)



• Lawatan Ahli Lembaga Pengarah USIM (22 April 09)

PERSIDANGAN ICOL 2009



swasta, penerbit dan pembekal buku, dari dalam dan luar negara, antaranya Filipina, Australia, India, Bangladesh, Jordan, Perancis, Iran dan sebagainya.

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia di bawah naungan Universiti Sains Malaysia dengan kerjasama Pustaka Sumber Ilmu telah menganjurkan 'International Conference On Libraries (ICOL 2009) kali ke 3 yang bertemakan "Transforming towards a sustainable tomorrow", bertempat di Hotel Bayview Beach Resort, Pulau Pinang, pada 15-16 Jun 2009 yang lalu. Persidangan ini telah dihadiri oleh lebih kurang 120 peserta yang terdiri daripada para profesional dalam bidang kepustakawanan, agensi kerajaan dan

Pihak Perpustakaan USIM juga telah menghantar seorang wakilnya iaitu Cik Aishahtun Abdul Majid, Pustakawan Unit Pembangunan Koleksi, Bahagian Teknikal untuk menghadiri persidangan tersebut. Melalui persidangan tersebut, peserta telah dibentangkan dengan kertas-kertas kerja yang berkaitan dengan Perpustakaan di samping mempunyai peluang untuk berinteraksi dan bertukar-tukar pendapat dan idea dalam pengurusan Perpustakaan.

Pertandingan

Info Hunt & Ulasan Buku Perpustakaan Cawangan Pandan Indah

Sempena Hari Terbuka Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan (FPSK) yang berlangsung pada 4 Julai 2009, Perpustakaan USIM Cawangan Pandan Indah turut mengambil bahagian dengan membuka perpustakaan kepada ibubapa dan orang awam serta mengadakan pameran buku daripada Syarikat Unipress Sdn. Bhd. dan Kamal Bookstore.



Pameran buku tersebut mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para pelajar dan dihadiri oleh ramai ibubapa serta para pelajar Tamhidi.

Selain itu, Perpustakaan juga telah mengadakan Pertandingan Info Hunt dan Ulasan Buku untuk para pelajar FPSK. Bagi pertandingan Ulasan Buku ia telah dimenangi oleh Asma Abdul Razak, tempat kedua dimenangi oleh Abdul Qayyum Jumidey dan tempat ketiga dimenangi oleh Izyan Ayuni Mustafa Kamal.

Manakala bagi Pertandingan Info Hunt pula ia dimenangi oleh Abdul Qayyum Jumidey, diikuti oleh Izyan Ayuni Mustafa Kamal di tempat kedua dan Asma Abdul Razak di tempat ketiga.

Sekalung ucapan tahniah kepada para pemenang.

Promosi Bahan Multimedia



TAREQ : BASIC MULTIMEDIA ARABIC COURSE


Publisher : Didaco E.S.
 Year : 2003
 Subject : Arabic Language
 Remarks : 4 Volumes, Video Tapes, Audiotapes, Workbooks, Grades

Summary

Arabic language learning method incorporating the use of multimedia. This new and revolutionary method makes learning easy and entertaining. Tariq uses 3D video animation, sound and text created with leading edge, state of the art, and audio-visual technology. Designed by leading Arabic-language experts based on the most up-to-date pedagogical and linguistic methodology. Due to its flexible functionality, it is an ideal method geared to the needs of students of all ages. A set made up of the most advanced, efficient instructive elements currently existing for the correct assimilation of this age-old language.

This form of media is dedicated to all of those who wish to learn Arabic, whether for academic, professional, religious-cultural reasons, etc. or simply for communication. The main objective from this medium of education is to ensure the students assimilate all of the information offered by the course, reaching the following levels: beginner, pre-intermediate, and lower- intermediate upon finishing the course.

JUNK FOOD WARS




Publisher : Cambridge Educational
 Year : 2005
 Call Number : dvd TX370 .J86 2005
 Subject : Snack foods, Junk food, Convenience foods, Children - Nutrition
 Duration : 30 minutes

Summary

Healthy eating is a challenge sometimes, it's even a battle. With vending machines, convenience stores, and fast food restaurants almost everywhere, nutritional value can go down in defeat. This high-energy video shows how to defend against the dangers of junk food. Straightforward discussions and dramatizations arm students with facts about nutrition, provide the skinny on what all those percentages and unusual words on food labels really mean, and empower them with the ability to make healthy eating a habit for life. They also discussed the different kinds of fats and sugars, how to read ingredients labels, and how to control what foods are available.

In Junk Food Wars DVD, students learn the importance of making healthy decisions regarding the foods they eat. They discover that while junk food can be awfully tempting, it often contains Ingredients that can damage their health and create unwanted weight problems.

MUHAMMAD S.A.W IN THE VARIOUS RELIGIOUS SCRIPTURES




Publisher : Saba Islamic Media
 Year : 2000
 Call Number : vcd BP76.5 .N35 2000
 Subject : Muhammad - Prophet

Summary

Muhammad (S.A.W) In The Various Religions Scriptures, a talk by a famous lecture, Muhammad (S.A.W) is the best example for all mankind to follow. Dr. Zakir Naik explains that his name Muhammed (S.A.W) is mentioned in the various world religious scriptures. There are quoting from Christian, Jewish, Hindu and Buddhist scriptures. Dr. Zakir is quoting points based on authentic scriptures and with references. This VCD produced complete and uncompressed onto two DVDs to provide the best quality possible.

About the speaker, Dr. Zakir Naik, is a dynamic international orator on Islam and Comparative Religion. He is a driving spirit forgetting worldwide acclaim for the proper presentation, understanding and clarification of Islam, as well as removing misconceptions about Islam. This content of DVD will help to erase some misconceptions regarding Prophet Muhammed (S.A.W) as perceived by other religions.

ESSAYS ON LANGUAGE AND ETHNIC RELATIONS



Editors :
 - Abdul Karim Abdullah @ Leslie Terebessy
 - Hisham Sabri
 - Nabilah Yusof Abdul Rahman
 Publisher :
 Center for General Studies, Universiti Sains Islam Malaysia.
 Year :
 2008
 ISBN :
 978-983-2950-95-0
 Call No. :
 P35 .A23 2008

This book has a lot of benefits to increase a new knowledge. The contents in the book are related to issues in generating new finding in language and ethnic relation. It is written by a group of Universiti Sains Islam Malaysia academic staffs from different kind of faculties, whose specialized in their areas. In line with the title, the essays in the book were written in three languages, English, Malay, and Arab, whose topics covered the language and ethnic relations subjects.

Most of the topics being approach with Islamic Principle. The topics discussed the issue that are related to intercultural conflict management, motivational orientation, languages human capital and ethnic relation.

POLEMIK SEJARAH MALAYSIA (JILID 1)




Penerbit :
 Arkib Negara Malaysia.
 Tahun :
 2008
 ISBN :
 978-967-912-123-0
 No. Panggilan :
 mal DS 596.5 .P65 2008

Buku POLEMIK SEJARAH MALAYSIA ini mengandungi kumpulan kertas-kertas kerja yang dihasilkan dan dibentangkan oleh ahli-ahli panel majlis yang terdiri daripada pengkaji-pengkaji sejarah tanahair termasuk ahli-ahli arkeologi. Kumpulan kertas kerja ini adalah jilid yang pertama diterbitkan daripada tiga jilid. Jilid pertama ini mengandungi 9 bab yang mewakili 9 tema yang diadakan dalam 12 sesi Majlis Polemik Sejarah.

Kupasan yang menarik diberi terhadap pelbagai isu dan fakta sejarah yang bersifat kontroversi dan pernah berbangkit suatu ketika dulu khususnya mengenai tiga fasa pertama dalam sejarah Malaysia iaitu sejarah Malaysia sebelum 1400, sejarah Malaysia pra-Melaka dan sejarah Kesultanan Melayu Melaka.

Penerbitan kumpulan kertas-kertas kerja ini dapat diketengahkan untuk pengetahuan, kesedaran dan kepekaan generasi masa kini dan yang akan datang tentang sejarah sebenar negara Malaysia yang wujud pada hari ini serta menjadi watu wadiah murni yang menjana masyarakat yang berilmu dan cintakan negaranya.



SUMO YOUR RELATIONSHIPS : HOW TO HANDLE, NOT STRANGLE, THE PEOPLE YOU LIVE AND WORK WITH


Author : Paul McGee
 Publisher : Capstone Publishing Ltd.
 Edition : 2007
 ISBN : 9781841127439
 Call No. : HM1106 .M42 2007

We would all like to think of ourselves as everyone's best friend, but what's the truth? Are we a hero or a zero to other people? Do we see ourselves as others really see us? Do we need to make a fresh deposit into our relationship account before we go overdrawn?

'S.U.M.O. (Shut Up, Move On) Your Relationships' gives insight for what will help us manage, maintain, grow and move on, in our key relationships with others and ourselves. At some point in our life we are going to have to deal with difficult relationships, whether it's with a colleague, parent, friends or partner. Isn't it a time that we did a stock take of our relationships and started making the best of them?

'S.U.M.O. Your Relationships' has pit stops, pearls of wisdom and all the humor and inspiration that we need to make the key changes in our life. In this book, we will discover the seven S.U.M.O. realities followed by seven insights to help light the way to a brighter future.

BEBERAPA ISU DALAM PEMIKIRAN ISLAM



Pengarang :
Syamsul Bahri Andi Galigo
Penerbit :
Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
Tahun :
2007
ISBN :
978-983-2953-43-1
No. Panggilan :
BP161.3 .S93 2007

Buku ini menentukan isu untuk dibincang secara ilmiah mengikut "kaedah pemikiran Islam" tidaklah semudah apa yang dibayangkan. Ia memerlukan renungan dan tadabbur yang serius, agar isu yang dipilih boleh dikaji dan dapat membantu menyelesaikan sedikit sebanyak permasalahan umat Islam, sama ada dalam konteks individu mahupun dalam kehidupan sosial. Isu pemikiran dalam buku ini merupakan isu kontemporari umat Islam. Ia juga merupakan cabaran dalam masyarakat Islam. Jika tidak diselesaikan mengikut panduan dan manhaj Islam, maka dakwah yang selama ini menjadi teras pembangunan modal insan perlu menjadi agenda utama umat Islam hari ini. Terutama dalam rangka membangun kembali citra komuniti ummah yang kini nampak tercafar, akibat perbuatan sebahagian kecil umat Islam yang melakukan kekerasan dan gangguan terhadap kehidupan orang awam.

Oleh itu, isu-isu yang dibincangkan dalam buku ini diharap mampu membuka minda dan pemikiran pembacanya untuk kembali melihat sejauh mana umat Islam mampu berdepan dengan cabaran hidup masa kini. Cabaran tersebut dibangkitkan oleh pengaruh globalisasi dan pasca modenisme yang telah mendominasi segala aspek kehidupan Banu Adam dewasa ini.

PEMBANGUNAN PENGAJIAN TINGGI ISLAM DI MALAYSIA




Penyunting :
**Ibrahim Abu Bakar
Muhamad Muda
Mohammad Haji Alias**
Penerbit :
Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
Tahun :
2008
ISBN :
978-983-2950-83-7
No. Panggilan :
LA1238 .P46 2008

Buku ini mengandungi 11 koleksi artikel berkaitan sejarah Pembangunan Pengajian Tinggi Islam di Malaysia. Buku ini dihasilkan sebagai salah satu pengisian sempena sambutan 50 Tahun Kemerdekaan Negara. Tajuk-tajuk buku ini menyentuh sejarah pembangunan pengajian Islam di Malaysia sehingga hari ini.

Selain itu, ia mengupas isu-isu berkaitan pengajian Islam dulu dan kini dan cabaran yang dihadapi oleh graduan Pengajian Islam. Pelbagai cadangan juga diutarakan dalam membantu untuk mengatasi masalah-masalah semasa berkaitan pengajian Islam. Satu artikel berbahasa Inggeris membicarakan tentang kemajuan bidang pengajian Islam, cabaran baru yang dihadapi dalam mengukuhkan pengajian Islam dan cadangan penambahbaikan bagi isu-isu yang diketengahkan. Satu artikel lagi adalah ucapan Naib Canselor USIM sempena Seminar Kebangsaan Pendidikan Tinggi Islam di Langkawi.

Buku ini akan terus mengingatkan kita dan membuka minda pembaca terutama generasi muda terhadap sejarah pembangunan pengajian Islam di Malaysia.



ROAD TO NATIONHOOD

Title : **Road to nationhood: Malaysia, the formative years, 1941-1966.**
Publisher : **NSTP Resource Centre.**
Year : **2007.**
ISBN : **9789838710350**
Call Number : **mal DS597 .R63 2007**

This book attempts to draw a timeline of key events during the formative years of the nation (1941-1966), using news reports, articles, and images published by the NSTP (New Straits Times Press) group, one of the oldest media companies in Malaysia. Those years were arguably the most significant quarter-century in the country's history, and by republishing reports and images of the trials and tribulations of nationhood, the book attempts to give readers a sense of what it was like for the people then-not least, the drama, emotion and atmosphere related to the birth of a nation.

It is more than just a study in curiosity; the book wants to provide another dimension to the country's history, specifically its path to nationhood, by way of presenting the story as it unfolded, as it was told by journalists of the day. The book started with the Japanese invasion of colonial Malaya (as it was known at that time), which was to be the start of a series of events that would culminate in the birth of a new nation, the Federation of Malaya-and later, Malaysia.

BENGKEL MARC 21

Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Unit Latihan, Jabatan Pendaftar USIM telah mengadakan Bengkel MARC21 (Monograf) pada 27-28 Julai 2009, bertempat di Makmal Komputer 1, Perpustakaan USIM. Bengkel ini telah dihadiri oleh 35 peserta, di mana 14 peserta adalah dari Perpustakaan USIM dan 21 orang adalah peserta daripada perpustakaan-perpustakaan lain. Dua orang penceramah yang berpengalaman dalam bidang pengkatalogan telah dijemput untuk memberi ceramah

di dalam bengkel ini, iaitu Cik Salmah Hj. Salleh, Konsultan di Cataloguing and Information Management, Wisdom Synergy Enterprise dan Pn. Balqis Suja', Pustakawan Kanan di Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Bengkel ini diadakan bagi membolehkan peserta menimba dan menambah pengetahuan untuk mengkatalog bahan monograf dengan menggunakan AACR2R dan MARC21 yang banyak berkaitan dengan piawaian dan peraturan dalam menyediakan sesebuah rekod bibliografi. Maklum balas yang diterima amatlah menggalakkan di mana peserta-peserta meminta bengkel ini diteruskan lagi pada masa hadapan. Majlis penutup bengkel ini telah disempurnakan oleh En. Jasmin Jaimon, Ketua Pustakawan Perpustakaan USIM dan disudahi dengan majlis penyampaian sijil penyertaan dan sesi bergambar.

BENGKEL PENULISAN 2009

Bengkel Penulisan 2009 anjuran Jabatan Perpustakaan USIM dengan kerjasama Unit Latihan, Jabatan Pendaftar USIM telah diadakan pada 25 - 26 Mei 2009. Bengkel dua hari tersebut telah diadakan di Bilik Seminar, Perpustakaan USIM, Nilai.

Penceramah yang dijemput bagi mengendalikan bengkel berkenaan ialah Prof. Madya Dr. Hamed Mohd Adnan, pensyarah dari Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Bengkel Penulisan 2009 ini mensasarkan peserta dari kalangan kakitangan pentadbiran Kumpulan Pengurusan dan Profesional dari pelbagai jabatan di USIM, dengan majoriti peserta terdiri dari kalangan Pustakawan. Tiga objektif utama digariskan dengan berlangsungnya program tersebut. Antara objektif yang ditetapkan adalah:

i. Untuk meningkatkan motivasi diri dan minat di kalangan kakitangan Kumpulan Pengurusan

dan Profesional untuk menghasilkan produk penulisan ilmiah.

ii. Untuk memberi pendedahan tentang metodologi sebenar dalam penghasilan produk penulisan ilmiah yang berkualiti.

iii. Untuk menjadikan kemahiran penulisan ilmiah sebagai satu nilai tambah kepada skil sedia ada kakitangan terbabit.

Para peserta seramai 26 orang telah diberi motivasi, galakan serta panduan tentang cara yang berkesan untuk menghasilkan penulisan yang berkualiti.

Program Bengkel Penulisan 2009 ini telah berjaya dilaksanakan dengan baik serta mencapai objektif yang telah ditetapkan. Diharapkan minat serta motivasi untuk menghasilkan produk penulisan ilmiah di kalangan peserta akan berterusan sehingga berjaya menyumbangkan sesuatu kepada universiti.

Melangsungkan Perkahwinan



Tahniah kepada Pn. Diana binti Abdul Muez, Pembantu Perpustakaan di Unit Pembangunan Koleksi, bersama pasangan En. Mohd Rosdi bin Md Akib pada 31 Mei 2009 di Salak, Sepang Selangor.

KELAHIRAN Cahaya Mata

Tahniah

Kepada **Pn. Norila Noor Ariffin** (Pembantu Perpustakaan di Perpustakaan USIM Cawangan Pandan Indah) dan pasangannya **En. Shamsudin Mohamad** yang telah menyambut kelahiran cahaya mata lelaki bernama **Muhammad Izwan Haziq** pada 15 Mei 2009.



En. Hasrizal Yahya (Pembantu Perpustakaan di Unit Arkib) dan pasangannya **Pn. Norhana Yaacob** di atas kelahiran cahaya mata perempuan bernama **Hamra Nurdelisha** pada 27 September 2009 (jam 4.29 pagi).

En. Sanizan Sardzi (Pustakawan di Perpustakaan USIM Cawangan Pandan Indah) dan pasangannya **Pn. Siti Hafiza Jumat** di atas kelahiran cahaya mata perempuan bernama **Hany Nabilah** pada 27 September 2009 (jam 9.32 malam).



• **RALAT - KELAHIRAN CAHAYA MATA** (rujuk kepada Buletin Iqra' Bil. 5)

Gambar bayi bernama **Amir Thaqif bin Ahmad Yazid** yang sebenar adalah seperti dalam gambar.

Kami mohon maaf di atas kesilapan yang tidak disengajakan.



BIBLIOGRAPHY OF PUBLIC SPEAKING

Prepared by: Nor Azzah Momin.

- Atkinson, J. M.. 2005. *Lend Me Your Ears: All You Need to Know about Making Speeches and Presentations*. New York : Oxford University Press. Call Number: PN4129.15.A85 2005.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2000. *Seni Bercakap-cakap & Berbual-bual*. Kuala Lumpur : PTS Publication & Distributors. Call Number: P95.45.A22
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2001. *Teori & Teknik Ucapan Berpengaruh*. Kuala Lumpur : PTS Publication. Call Number: PN4129.A22
- DeVito, J. A. 2006. *The Essential Elements of Public Speaking*. Boston : Pearson/A and B. Call Number: PN4129.15.D48 2006
- Engleberg, I. N. 2005. *Presentations in Everyday Life : Strategies for Effective Speaking*. Boston: Houghton Mifflin Company. Call Number: PN4129.5.E54 2005
- German, K. M. (ed.). 2007. *Principles of Public Speaking*. Boston : Pearson Allyn & Bacon. Call Number: PN4129.15.P75 2007.
- Jaffe, C. I. 2007. *Public Speaking : Concepts and Skills for A Diverse Society*. Belmont, CA : Thomson Wadsworth. Call Number: PN4129.15.J35 2007.
- Kushner, M. L. & Yeung, R. 2007. *Public Speaking & Presentations for Dummies*. Chichester : John Wiley & Sons. Call Number: PN4121.K87 2007.
- Lata, P. & Kumar, S. 2007. *Communicate or Collapse: A Handbook of Effective Public Speaking, Group and Interviews*. New Delhi : Prentice-Hall of India, 2007. Call Number: PN4121.L3793 2007.
- Maimunah Osman. 2000. *Pengucapan Awam Yang Berkesan*. Kuala Lumpur : Institut Tadbiran Awam Negara. Call Number: PN4121.M35 2000
- Osborn, M., Osborn, S. & Osborn, R. 2009. *Public Speaking*. Boston : Allyn & Bacon. Call Number: PN4129.15.O83 2009
- Palani, M. 2006. *Mastering Presentation Skills Using Microsoft Powerpoint*. Batu Caves, Selangor, Venton Publishing. Call Number: T385.P353 2006.
- Samsudin Wahab. 2004. *Belajar Berucap*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing. Call Number: PN4121.S26 2004.
- Stein, C. K. 2006. *Delivering Powerful Speeches*. Petaling Jaya, Malaysia : Advantage Quest Publications. Call Number: PN4129.15.S74 2006.
- Theibert, P. R. 2005. *How to Give A Damn Good Speech*. Edison, N.J. : Castle Books. Call Number: PN4121.T46 2005.
- Zarefsky, D. 2007. *Strategic Public Speaking: A Handbook*. Boston. : Pearson. Call Number: PN4129.15.Z37 2007.